

## SISTEM E-LELONG (PAJAK GADAI-i) / "AR-RAHNU ONLINE AUCTION SYSTEM"

### TERMA DAN SYARAT

Terma dan Syarat yang dinyatakan ini akan menentukan tatacara penggunaan laman sesawang *arrahnuauction.muamalat.com.my* dan hendaklah terpakai kepada semua pengguna berdaftar laman sesawang *arrahnuauction.muamalat.com.my*

### 1. PENGENALAN

- 1.1 Terma dan Syarat ini adalah terpakai kepada setiap transaksi barang emas bidaan yang dijalankan oleh Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System".
- 1.2 Terma & Syarat ini hendaklah dibaca bersama Notis Privasi Berkaitan Perlindungan Data Peribadi - <https://www.muamalat.com.my/downloads/privacy-policy/privacy-notice.pdf>.
- 1.3 Pihak Bank Muamalat Malaysia Berhad ("BMMB") dari semasa ke semasa mempunyai budi bicara mutlak untuk menambah, mengubahsuai, atau memotong mana-mana terma dan syarat dengan notis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh berkuatkuasa dan apa-apa penambahan, pengubahsuaian, atau pemotongan tersebut adalah mengikat Pembida dan pihak-pihak berkepentingan di dalam lelongan awam yang dijalankan oleh Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System".
- 1.4 Pembida bertanggungjawab untuk memastikan capaian *Internet* berada dalam keadaan baik semasa proses lelongan awam dijalankan. Capaian *Internet* yang tidak memuaskan boleh mengganggu bidaan yang dibuat oleh Pembida.
- 1.5 Pihak BMMB tidak akan bertanggungjawab di atas apa-apa gangguan, kelewatan, kegagalan, kesilapan, ketinggalan atau kehilangan maklumat yang dihantar disebabkan oleh masalah capaian *Internet* atau sebarang gangguan talian yang berlaku semasa proses lelongan awam berlangsung.
- 1.6 Sebarang keputusan atau arahan yang dibuat oleh BMMB adalah mutlak dan mengikat Pembida serta pihak-pihak berkepentingan di dalam lelongan awam yang dijalankan oleh Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System".

### 2. DEFINISI/ INTERPRETASI

- 2.1 **AMLA** - merujuk kepada "Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA)".
- 2.2 **BMMB** - merujuk kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad (196501000376(6175-W) yang beralamat daftar di Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50300 Kuala Lumpur serta termasuk cawangan- cawangannya di seluruh negara.
- 2.3 **Berat barangan emas** - merujuk kepada berat emas dalam nilai gram(gm);
- 2.4 **Gambar barangan bidaan** - merujuk kepada gambar barangan emas dipamerkan di dalam Sistem e-lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar Rahnu Online Auction".
- 2.5 **Hari Berkerja** - merujuk kepada hari bekerja BMMB atau pihak cawangan BMMB yang berkenaan dibuka (tidak termasuk hari pelepasan /cuti am dan hujung minggu yang mana berkenaan).
- 2.6 **Harga Rizab** - merujuk kepada harga minimum yang ditawarkan oleh BMMB ke atas barang bidaan

- 2.7 **Jawatankuasa Pemilihan BMMB** - merujuk kepada jawatankuasa pemilihan bagi memilih Pembida Berjaya.
- 2.8 **Kata Laluan** - merujuk kepada kata kunci rahsia yang ditetapkan oleh pembida untuk mengakses akaun atas talian yang berdaftar di dalam Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "*Ar-Rahnu Online Auction System*" sebagai Pembida.
- 2.9 **Nombor rujukan bidaan** - merujuk nombor akaun bagi lelongan emas yang dibuat di dalam talian.
- 2.10 **Mutu barangan emas** - merujuk kepada enam (6) mutu emas (999-24K, 950-22.8K, 916-22K, 875-21K, 835-20K, 750-18K).
- 2.11 **Pembida** - merujuk kepada Individu yang membuat bidaan **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "*Ar-Rahnu Online Auction System*"**.
- 2.12 **"PDPA"** - merujuk kepada **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**.
- 2.13 **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "*Ar-Rahnu Online Auction System*"** - merujuk kepada platform bidaan Pajak Gadai-i Bank Muamalat Malaysia Berhad atas talian.
- 2.14 **"Sign-up"** - merujuk kepada pendaftaran akaun Sistem e-Lelong.
- 2.15 **"Real-Time"** - merujuk kepada masa sebenar.
- 2.16 **"System maintenance"** - merujuk kepada penyelenggaraan sistem;
- 2.17 **Surat Wakil Pembida Berjaya (*Representative form*)** - merujuk kepada surat wakil yang digunakan oleh wakil pemenang bidaan semasa membuat pembayaran dan pengambilan barangan emas lelongan.
- 2.18 **Surat Tawaran Tender Terbuka** - merujuk kepada surat tawaran kepada pembida berjaya yang telah dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Pemilihan BMMB.

### 3. SEBELUM LELENGAN AWAM

- 3.1 Bakal pembida (**Individu Sahaja**) dikehendaki memastikan kriteria kelayakan pembida dipenuhi sebelum mendaftar.
- 3.2 Pembida yang mendaftar untuk menyertai lelongan awam dalam **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "*Ar-Rahnu Online Auction System*"** adalah bersetuju dengan nyata terhadap Terma dan Syarat seperti berikut:
  - 3.2.1 KELAYAKAN PEMBIDA
    - a. Daftar secara **atas talian**;
    - b. Berumur **18 tahun** ke atas;
    - c. **Warganegara Malaysia / Penduduk Tetap**;
    - d. Tidak berstatus **muflis**;
    - e. **Nama tidak sepadan dalam sistem AMLA BMMB**.
  - 3.2.2 KELAYAKAN WAKIL PEMBIDA BERJAYA
    - a. Berumur **18 tahun** ke atas;
    - b. Membawa Surat Wakil Pembida;
    - c. **Warganegara Malaysia / Penduduk Tetap**;
    - d. **Nama tidak sepadan dalam sistem AMLA BMMB**;
    - e. **Pengenalan wakil disahkan oleh Pembida Berjaya**.

- 3.3 Mengambil, memenuhi dan melakukan semua tindakan, syarat dan perkara yang perlu (termasuk mendapatkan sebarang kebenaran yang diperlukan) dari segi undang-undang bagi membolehkan Pembida menyertai lelongan awam.
- 3.4 Pembida dikehendaki untuk mendaftar dan merujuk panduan pendaftaran **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System"** sebagai pembida melalui pautan "*Sign-up*" di laman sesawang *arrahnuauction.muamalat.com.my*. Sila rujuk panduan pendaftaran sebagai pembida.

#### 4. PENDAFTARAN

- 4.1 Individu yang berminat untuk menyertai lelongan awam hendaklah mendaftar sebagai Pembida dalam **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System"**.
- 4.2 Pembida adalah bertanggungjawab untuk memberikan segala maklumat yang benar, terkini dan tepat semasa pendaftaran sebagai pengguna berdaftar **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System"**.
- 4.3 Pembida hanya perlu mendaftar sekali sahaja dalam **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System"** dan pendaftaran ini terpakai bagi lelongan seterusnya.
- 4.4 Pembida bertanggungjawab untuk mengenal pasti barangan emas lelongan dengan memastikan butiran seperti gambar, berat, mutu, dan jenis barangan emas adalah betul dan tepat sebelum pilihan dibuat.

#### 5. SEMASA LEONGAN AWAM

- 5.1 Semasa membuat pendaftaran, bakal pembida diwajibkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat sebelum bersetuju bagi proses pendaftaran.
- 5.2 Setelah pendaftaran selesai bakal pembida layak menjadi pembida **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System"**.
- 5.3 Seorang Pembida hanya dibenarkan membida sebanyak **3 kali** untuk setiap bidaan akaun.
- 5.4 Gambar, berat, mutu, dan jenis barangan emas lelongan yang dipamerkan di laman sesawang "*Ar Rahnu Online Auction*" adalah sama seperti fizikal sebenar yang dipamerkan mengikut cawangan pada hari lelongan dilakukan.
- 5.5 Harga rizab setiap gram mengikut **enam (6) mutu emas (999-24K, 950-22.8K, 916-22K, 875-21K, 835-20K, 750-18K)** yang ditetapkan dalam di laman sesawang **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System"** kami adalah **muktamad** dan tidak boleh dirunding.

5.6 Nilai bidaan hendaklah **genap** dan penggunaan nilai sen adalah **tidak dibenarkan**.

#### 5.7 WAKTU & TEMPOH LELONGAN AWAM.

5.71 Waktu tamat untuk lelongan adalah **3 hari waktu bekerja (Jam 11:59mlm)** selepas waktu lelongan dibuka. Tempoh bidaan yang dipamerkan boleh dirujuk di dalam laman sesawang **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System"** secara masa sebenar "*real-time*" dan boleh diakses / membuat bidaan dalam tempoh bidaan, **24jam sehari** melainkan berlaku penyelenggaraan sistem "*system maintenance*", kegagalan sistem, dan faktor luaran yang di luar kawalan.

#### 5.8 CAJ BIDAAN

5.8.1 Bayaran sebanyak **RM5.00** akan dikenakan kepada setiap akaun yang berjaya dibida oleh pemenang bidaan / wakil pemenang bidaan sahaja semasa pengambilan barang bidaan di cawangan terlibat.

### 6. SELEPAS LELONGAN AWAM

- 6.1 Pembida berjaya akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilihan BMMB berpandukan bidaan tertinggi dari harga rizab dan hendaklah memenuhi syarat **Kelayakan Pembida** seperti yang dinyatakan di atas.
- 6.2 Pihak BMMB akan menghubungi Pembida yang Berjaya. Pembida yang Berjaya perlu hadir ke cawangan BMMB yang berkenaan dalam tempoh 3 hari bekerja.
- 6.3 Sekiranya Pembida yang Berjaya gagal untuk menghadirkan diri ke cawangan bagi tujuan pembayaran dalam tempoh **3 hari bekerja**, Jawatankuasa Pemilihan BMMB akan memilih Pembida yang baru sebagai pemenang.
- 6.4 Walaubagaimanapun, Pembida yang berjaya boleh mewakilkan individu lain untuk membuat bayaran dan pengambilan barang emas bidaan dengan :
  - a. Melengkapkan butiran wakil Pembida di laman sesawang **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System"** dipautan "*Representative Form*";
  - b. Memberi **maklum balas kebenaran perlantikan wakil Pembida berserta Salinan Kad Pengenalan Wakil melalui email** kepada cawangan terlibat sebaik sahaja menerima panggilan daripada pihak cawangan yang terlibat; dan
  - c. Pembida telah mendapatkan persetujuan daripada wakil Pembida untuk memasukkan butiran peribadi wakil di dalam sesawang Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-I / "*Ar-Rahnu*

*Online Auction System*") sepertimana peruntukan di bawah "PDPA" serta kebenaran bagi pihak BMMB untuk membuat carian AMLA ke atas wakil Pembida.

- 6.5 Pembida berjaya atau wakil Pembida dikehendaki membawa kad pengenalan ke kaunter bagi tujuan pengesahan dan semakan oleh pihak cawangan yang terlibat.
- 6.6 **Surat Tawaran Tender Terbuka** akan diberikan kepada Pembida berjaya atau wakil Pembida oleh pihak cawangan selepas pengesahan dibuat. Pembayaran harus dibuat serta merta secara tunai/perbankan internet / debit akaun simpanan / semasa atau apa-apa cara pembayaran lain yang diterima oleh pihak bank di kaunter cawangan terlibat.
- 6.7 Setiap bidaan atas talian yang telah dihantar **tidak boleh diubah**. Sila pastikan **nombor rujukan bidaan** dan harga yang dibida diisi secara atas talian adalah **betul**. Pihak BMMB tidak akan bertanggungjawab di atas kesilapan Pembida mengisi harga bidaan atas talian.
- 6.8 Semasa pengambilan barangan bidaan, Pembida yang berjaya dikehendaki menyemak dan memastikan butiran berat, mutu, dan jenis barangan bidaan yang berjaya dibida adalah sama dengan Surat Tawaran Pembida berjaya.
- 6.9 Pihak cawangan akan menimbang dan membuat ujian pengesahan ketulenan barangan bidaan sebelum beredar dari premis cawangan. Sekiranya didapati berat, mutu, dan jenis barangan bidaan tidak sama maka Pembida berjaya boleh meminta pemulangan bayaran bidaan yang telah dibuat.
- 6.10 Selepas Pembida berjaya atau wakil **beredar dari cawangan BMMB** dan sekiranya terdapat perbezaan dari segi berat, mutu, dan jenis barangan bidaan maka pihak BMMB tidak akan bertanggungjawab serta barangan bidaan tersebut **tidak boleh dikembalikan**.
- 6.11 Pembida Berjaya atau wakil yang gagal melakukan pembayaran dalam tempoh 3 hari bekerja selepas dihubungi oleh pihak Bank akan **disenaraihitamkan** dari bidaan seterusnya dan penyertaan semula bidaan bergantung kepada keputusan muktamad Jawatankuasa Pemilihan BMMB.
- 6.12 Pihak BMMB tidak bertanggungjawab dengan sebarang kos yang berkaitan ke atas pengambilan barang bidaan oleh Pembida atau wakil Pembida.

## 7. UNDANG TERPAKAI DAN BIDANG KUASA

- 7.1 Terma & Syarat ini adalah tertakluk, dikawal serta ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia yang terpakai, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) dan peraturan badan-badan yang berkaitan serta keputusan Syariah BNM dan BMMB yang berkuatkuasa ke atas BMMB dari semasa ke semasa.

## 8. KERAHSIAAN MAKLUMAT

- 8.1 Dengan mengakses laman sesawang **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System"** ini, Pembida mengakui dan bersetuju bahawa **Bank Muamalat Malaysia Berhad** boleh mengumpul, mengekalkan atau mendedahkan maklumat Pembida atau mana-mana maklumat oleh Pembida untuk keberkesanan perkhidmatan, dan maklumat yang dikumpul, disimpan atau didedahkan hendaklah mematuhi **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA")** dan mana-mana perundangan, undang-undang atau peraturan-peraturan yang terpakai dari semasa ke semasa.
- 8.2 Pembida bersetuju untuk menerima semua risiko yang berkaitan semasa menggunakan perkhidmatan di laman sesawang **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System"** dan **Bank Muamalat Malaysia Berhad** tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akses yang tidak dibenarkan atau apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung akibat daripadanya.
- 8.3 Pembida hendaklah bertanggungjawab di atas kerahsiaan dan penggunaan **Kata Laluan** dan tidak mendedahkan **Kata Laluan** tersebut kepada sesiapa sahaja pada bila-bila masa dan di bawah apa jua keadaan sama ada sengaja atau tidak sengaja.
- 8.4 Pembida bersetuju untuk mematuhi segala langkah keselamatan berkaitan dengan perlindungan **Kata Laluan** atau secara amnya berkenaan dengan penggunaan perkhidmatan ini.
- 8.5 Pembida menerima tanggungjawab bahawa dalam apa jua keadaan di mana **Kata Laluan** dimaklumkan kepada orang lain sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, pembida hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga dengan pendedahan, penemuan atau pembida mesti memaklumkan kepada **BMMB** dengan segera. **Sila rujuk Notis Privasi Berkaitan Perlindungan Data Peribadi** - <https://www.muamalat.com.my/downloads/privacy-policy/privacy-notice.pdf>.

## 9. HARTA INTELEK

- 9.1 Apa-apa maklumat, kandungan, bahan dokumen, butir-butir, grafik, fail data, teks, gambar-gambar digital atau sebarang paparan yang dipaparkan di dalam laman sesawang **Sistem e-Lelong (Pajak Gadai-i) / "Ar-Rahnu Online Auction System"** tidak boleh digunakan atau diterbitkan secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau cara lain tanpa kebenaran **BMMB**.

9.2 Sekiranya berlaku pelanggaran hak harta intelek di bawah Terma dan Syarat ini, BMMB boleh menggunakan apa-apa remedi undang-undang yang ada, yang mungkin termasuk permintaan untuk kerosakan sebenar atau berkanun, yuran peguam, dan pelepasan injunks

## **10. PEMBATALAN SEBELUM DAN SELEPAS BIDAAN**

10.1 Pembida bersetuju bahawa pihak BMMB berhak untuk membatalkan bidaan pada bila-bila masa sebelum dan selepas bidaan berjaya ketika berlaku salah satu daripada peristiwa yang berikut:

- (a) Menuruti arahan daripada Pengawal Selia dan/atau Pihak Berkuasa seperti BNM, pihak Polis, SPRM atau perintah penyiasatan atau mahkamah, kebangkrapan pemegang akaun, penutupan syarikat atau ketidakwarasan Pelanggan;
- (b) Sekiranya terdapat laporan polis terhadap barang bidaan;
- (c) Sekiranya berlaku kematian pembida atau pemenang bidaan; atau
- (d) Apabila pihak BMMB mengetahui adanya cek dan / atau instrumen kewangan dan / atau jumlah wang yang telah dikreditkan untuk pembayaran barang bidaan adalah akibat daripada pemalsuan dan / atau penggubahan instrumen dan / atau arahan dan / atau penipuan transaksi, dengan atau tanpa penglibatan Pembida atau Wakil Pembida.

## **11. LAIN-LAIN**

11.1 Jika berlaku apa-apa percanggahan, kenyataan salah atau kesilapan dalam terjemahan butir-butir dan Terma dan Syarat ke bahasa-bahasa lain, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Malaysia adalah terpakai.

11.2 BMMB akan mengawal dan diguna pakai bagi segala transaksi barangan emas lelongan secara elektronik. Mana-mana tindakan undang-undang atau prosiding yang timbul daripada atau berhubung dengan transaksi lelongan awam barangan emas lelongan secara elektronik adalah tertakluk kepada bidang kuasa undang-undang Malaysia yang terpakai.

11.3 Walau apa pun peruntukan selain yang tertera di sini, sekiranya pihak BMMB tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak BMMB. Ini termasuk dan tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak pandemik, bencana alam semula jadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat *force majeure* atau

sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak BMMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pembida atau wakil Pembida yang timbul daripada sebab yang sama.